

DEWAN
TAMADUN
ديوان تتمدون إسلام

Islam

- **Piagam Harmoni Malaysia**
Menterjemahkan Semangat Perlembagaan Persekutuan
- **Perjanjian Sykes-Picot**
Janji Kemerdekaan atau Helah Kuasa Barat?

Amanah Kesihatan
Anugerah Kehidupan

Harapan di Sebalik Pendermaan Organ

MALAYSIA
MADANI

Bil. 08/2026

KK 290-91914-0826
ISSN 2289-2893



9 772289 289001

JendelaDBP



Tamadun Islam DBP

#MalaysiaMembaca

Jilid 14 • Semenanjung Malaysia RM11.00 • Sabah/Sarawak RM11.50 • Brunei B\$11.50 • Singapura S\$11.50





Bunga Raya

Kembang sepatu tegak di halaman senja,
merahnya menyerap ke bumi pusaka,
getar menjalar, pawana mengusung watan,
sinar menembus awan, membasahi akar harapan.

Derap dari segara menegakkan panji,
bayang terpancang di padang janji,
urat tanah mengikat waris setia,
cendera terbuka menaungi citra merdeka.

Pada kelopaknya yang menghadap cahaya,
kami mengenang amanah yang diwariskan;
nikmat yang tumbuh tidak datang sendiri,
tetapi disuburkan oleh tangan dan pengorbanan.

Daripada tanah yang satu,
kami tegakkan janji sesama;
yang berbeza saling mengenal,
yang pelbagai saling menguatkan.

Dan pada merah yang mekar itu,
kami membaca tanda-tanda-Nya;
bahawa merdeka bukan sekadar panji,
tetapi syukur yang berakar pada bumi.

Mohd Elfie Nieshaem Juferi

Bandar Tun Hussein Onn, Selangor

